

# Bantuan banjir dipantau, elak kelewatan - PM

UM- 11/7/2022  
m/s: 3

Oleh **ROSALINDA MD.SAID**  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Proses pemberian bantuan kepada mangsa banjir di Baling akan dipantau bagi memastikan tidak berlaku kelewatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pemantauan tersebut penting terutama dalam mempercepatkan kerja-kerja pembaikan rumah mangsa yang terjejas akibat bencana kepala air itu.

“Selepas banjir berlaku di sebelah petang, pagi esoknya, kita sudah memberikan bantuan tunai. Yang penting ialah kediaman roboh perlu disediakan baharu atau dibaik pulih.

“Kita sedang memantau dari segi pelaksanaan kerana tidak mahu ada kelewatan, seperti mana kita janjikan perlu dipercepat,” kata Perdana Menteri selepas menunaikan Solat Sunat Aidiladha di Masjid Wilayah Persekutuan di sini semalam.

Terdahulu, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM500,000 untuk barituan awal kepada mangsa-mangsa banjir di Lembangan Sungai Kupang dan Sungai Tiak di Baling, Kedah.

Peruntukan itu melibatkan



**ISMAIL Sabri Yaakob berswafoto dengan para jemaah selepas menyertai Solat Aidiladha di Masjid Wilayah Persekutuan di ibu negara semalam. - UTUSAN/MOHD. FIRDAUS MOHD JOHARI**

bantuan kepada 112 ketua isi rumah (KIR) iaitu Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000, bantuan Barang Keperluan Asas sebanyak RM2,500, bantuan barangan elektrik sebanyak RM500 dan pembaikan rumah.

Dalam kejadian Isnin lalu,

sebanyak 802 rumah dilaporkan terkesan dilanda banjir lumpur yang berpunca daripada kepala air dari Gunung Inas.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, 15 daripada rumah tersebut musnah sepenuhnya,

manakala 18 lagi rosak teruk dan memerlukan pembaikan besar.

Kerajaan negeri masih menyasat punca bencana itu yang ketika ini didakwa berpunca daripada penanaman durian Musang King di Bukit Inas.